

06/02/1997

Kerahan tenaga belia atasi gejala sosial (HL)

Zamzam Omar; Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan akan menimbang cadangan supaya lepasan sekolah menyertai program kerahan tenaga, dalam usaha mengurangkan gejala sosial khususnya di kalangan belia Melayu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, cadangan itu adalah antara pandangan yang akan dikaji kerajaan selain menilai semula isi kandungan sistem pendidikan Islam di sekolah sebelum merangka program bersepadu untuk memerangi gejala berkenaan.

Cadangan supaya diwujudkan program latihan yang menerapkan disiplin ala-tentera selain pembinaan diri dan sahsiah di kalangan pelajar itu, dibuat oleh seorang peserta Perjumpaan Khas Mengenai Masalah Sosial di Kalangan Umat Islam di Pusat Islam hari ini.

"Program yang dicadangkan itu berkonsepkan pembinaan disiplin diri dan kebajikan bertujuan mengisi masa pelajar selepas mengambil peperiksaan.

"Selain cadangan itu, kerajaan juga akan meneliti semula keberkesanan isi kandungan sistem pendidikan Islam di sekolah kerana ia dilihat tidak berkesan kepada pelajar Islam," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan itu.

Hadir sama di majlis selama kira-kira dua jam itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; serta menteri-menteri besar dan ketua menteri.

Dr Mahathir berkata, tidak berkesannya kaedah pendidikan Islam sekarang kerana ramai remaja dan belia Islam terbabit dengan pelbagai jenayah, penyalahgunaan dadah, lepak, seks bebas, malah sebahagian mereka dijangkiti HIV dan menghidap Aids selepas meninggalkan alam persekolahan.

Menurutnya, isi kandungan sebahagian sistem pendidikan Islam mungkin lemah kerana tidak memberi penekanan kepada aspek tertentu yang sebenarnya lebih penting. Ia lebih menekankan soal ritual daripada membentuk satu peribadi yang berupaya menahan serangan nafsu serta gejala sosial dari luar.

Beliau berkata, tidak memadai jika pelajar hanya diajar mengenai cara untuk beribadat tetapi mengabaikan pendedahan mengenai cara hidup yang sebenar mengikut ajaran Islam.

"Ia bukan berpunca daripada kegagalan sistem pendidikan tetapi kegagalan isi kandungannya. Apakah sebenarnya yang kita ajar ketika mengajar agama? Apakah memadai dengan mengajar macam mana sembahyang dan beribadat?"

"Bagaimana dengan penjelasan mengenai isu bekerja kuat, belajar kuat dan sebagainya. Ini juga perlu menjadi sebahagian daripada ajaran yang perlu disampaikan untuk membentuk peribadi mulia," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebahagian umat Islam di sini diakui mempunyai asas pendidikan agama yang kukuh tetapi yang lain terlalu jahil sehingga ada yang tidak tahu mengucap kalimah syahadat dan bersolat.

"Kita hendak tahu apa sebab berlaku demikian. Sebab itu kita perlu tengok (menilai semula) cara kita menyampaikan ajaran agama," katanya.

(END)